



PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

SUKAN BOLA SEPAK

TUJUH SEBELAH

TAHUN 2017

**PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG KEJOHANAN BOLA SEPAK
PERPADUAN TUJUH SEBELAH TAHUN 2017**

1. NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan ini dinamakan PERTANDINGAN BOLASEPAK PERPADUAN Tujuh Sebelah peringkat umur 12TKB,15 TKB dan 18TKB.

2. PENGANJURAN/PENGELOLAAN

2.1 Pertandingan ini dianjurkan bersama **MAJLIS SUKAN SEKOLAH PULAU PINANG** dan dikelolakan oleh **MAJLIS PERUNDINGAN MUHIBBAH NEGERI PULAU PINANG**

3. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

3.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang permainan bola sepak sebagaimana yang telah ditetapkan oleh FAM dan FIFA.

3.2 Undang-undang permainan bagi umur 12TKB adalah sebagaimana yang berkuatkuasa (3.1) di atas melainkan:

a)	Panjang Padang	73.15 m – 82.30 m
	Lebar Padang	54.86 m – 64.01 m
	Kawasan Gol	14.63 m x 4.57 m
	Kawasan Penalti	32.92 m x 13.72 m
	Jarak Tanda Penalti	9.14 m
	Jejari Bulatan Tengah	7.32 m
	Tinggi gol	7 kaki (2.13 m)
	Lebar Gol	7 ela (6.40 m)
	Saiz Tiang Gol	4 inci x 4 inci
	Saiz Garisan	4 inci x 4 inci

b) Bola - bersaiz 4.

3.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

3.3.1 Keputusan berasaskan kepada **PERATURAN AM DAN KHAS MAJLIS PERUNDINGAN MUHIBBAH NEGERI PULAU PINANG/MSPP.**

3.4.1 Sebarang keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan adalah muktamad.

4. PENYERTAAN

4.1 Pertandingan ini dibuka kepada semua sekolah dalam Malaysia yang berdaftar dengan MSSM.

4.2 Setiap sekolah yang menyertai pertandingan ini boleh mendaftar lebih dari satu pasukan bagi setiap kategori kecuali Sekolah Sukan Negeri hanya boleh mendaftar satu pasukan setiap kategori.

4.3 Setiausaha Jawatankuasa Pertandingan akan menguruskan semua permohonan dan akan menetapkan tarikh tutup permohonan tertakluk kepada keputusan atau arahan tertentu yang dibuat dari masa ke semasa.

5. KELAYAKAN PEMAIN

- 5.1 Seseorang pemain terdiri daripada pelajar sekolah adalah layak mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
- 5.2 Seorang pemain yang telah didaftarkan dan bermain mewakili sekolah / pasukan dengan sendirinya tidak boleh digantikan dengan pemain yang lain (pemain yang tidak didaftarkan).
- 5.3 Seorang pemain hanya layak didaftar untuk satu kategori dan satu pasukan sahaja.
- 5.4 Setiap pemain perlu menunjukkan bukti dokumen kepada Jawatankuasa Pertandingan dan Status seperti berikut:
 - 5.4.1 Pemain 12TKB mesti kemukakan salinan surat beranak yang telah disahkan oleh Guru Besar sekolah berkenaan.
 - 5.4.2 Pemain 15 TKB & 18TKB mesti kemukakan kad pengenalan Asal/My Kad Asal.
- 5.5 Kelayakan umur pemain adalah seperti berikut:
 - 5.5.1 12TKB - lahir pada 2005 dan selepasnya
 - 5.5.2 15TKB- lahir pada 2003 dan selepasnya
 - 5.5.3 18TKB - lahir pada 2000 dan selepasnya
- 5.6 Sebarang pertikaian hak atau status pemain akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan keputusannya adalah muktamad.

6. PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEGAWAI PASUKAN

- 6.1 Pendaftaran Pemain
Setiap pemain mesti didaftarkan dalam Borang Pendaftaran Pemain R02 bagi 12TKB dan M02 bagi 15 TKB & 18TKB. Hanya pemain yang didaftarkan sahaja berhak mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
- 6.2 Pendaftaran Pegawai
 - 6.2.1 Setiap pegawai pasukan hendaklah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah dan mesti mendaftar dalam Borang R02 atau M02 dan C04 (individu)
 - 6.2.2 Jika pasukan menggunakan khidmat pegawai bukan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran khususnya jurulatih, mereka boleh mengikuti pasukan itu tetapi tidak boleh didaftarkan dalam borang pendaftaran pasukan. Pegawai ini setaraf dengan penonton. Segala tunjuk ajar hendaklah dibuat di luar permainan.
- 6.3 Semua borang pendaftaran hendaklah disahkan oleh Guru Besar / Pengetua sekolah yang diwakili oleh pegawai/pemain berkenaan.
- 6.4 Kesemua pemain boleh disenaraikan semasa perlawanan di mana 7 pemain utama dan 3 pemain simpanan. Pendaftaran itu adalah seperti yang dinamakan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

7. FORMAT PERTANDINGAN

- 7.1 Peraturan permainan mengikut format kalah keluar.
- 7.2 Undian akan dibuat sebelum perlawanan pertama dimulakan.
- 7.3 Jika tiada keputusan, maka pemenang akan ditentukan menerusi sepakan penanti dari tanda penalti mengikut peraturan yang berkuatkuasa (sepakan dari tanda penalti sebanyak 3 kali akan dilaksanakan). Jika masih seri, lambungan syiling akan dijalankan sebanyak 3 kali

8. JANGKA MASA PERLAWANAN

- 8.1 Masa permainan ialah 7 minit bagi setiap separuh masa dengan masa rehat 1 minit bagi peringkat awal.
- 8.2 Masa permainan ialah 10 minit bagi setiap separuh masa dengan masa rehat 5 minit bagi peringkat Akhir untuk 15 & 18 tahun.
- 8.3 Masa permainan ialah 10 minit bagi setiap separuh masa dengan masa rehat 5 minit bagi peringkat Akhir untuk 12 tahun dengan 9 orang pemain dan menggunakan gelanggang 18 tahun.(Akhir sahaja)

9. PENGGANTIAN PEMAIN

- 9.1 Semua pemain simpanan yang didaftarkan dalam satu perlawanan itu boleh diganti dalam satu perlawanan termasuk dalam masa tambahan. Mana-mana pemain yang ditukar dibenarkan bermain semula dalam perlawanan yang sama termasuk sepakan dari tanda penalti.(roliing substition)

10. PAKAIAN PEMAIN

- 10.1 Setiap pasukan mesti menyediakan 2 set jersi dan mewartakan jersi sebagai tuan rumah dalam borang pendaftaran. Jika terdapat persamaan warna jersi, maka pasukan pelawat perlu menukarkan jersi tersebut.

11. JADUAL PERLAWANAN

- 11.1 Jawatankuasa Pengelola Kejohanan akan menyediakan Jadual Pertandingan.
- 11.2 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai disebabkan oleh cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangka maka keputusan tentang perlawanan semula akan ditentukan oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.

12. MINIMA PEMAIN

- 12.1 Setiap pasukan mesti mempunyai minima 7 orang pemain pada permulaan perlawanan.

13. TINDAKAN TATATERTIB

- 13.1 Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan Bola Sepak akan berbincang perkara-perkara yang berlaku setelah menerima aduan bertulis daripada Pengadil bertugas. Pasukan dan Pengadil Bertugas tidak boleh mengambil bahagian dalam undian semasa perkara berkenaan sedang dipertimbangkan.

- 13.2 Untuk kesalahan berikut Jawatankuasa Tatatertib tidak akan bersidang dan hukumannya adalah automatik :-
- 13.2.1 Seseorang pemain yang diperintah keluar (kad merah) kerana kesalahan teknikal (penggantungan 1 perlawanan)
 - 13.2.2 Seseorang pemain yang diperintah keluar (kad merah) kerana kesalahan bermain dengan amat kasar (penggantungan 2 perlawanan)
 - 13.2.3 Seseorang pemain yang diperintah keluar (kad merah) kerana mengeluarkan kata-kata kesat/lucah atau menunjukkan isyarat tidak tertib (lucah) atau berkelakuan ganas dan biadap dengan tidak mengira beliau menerima amaran sebelum itu atau tidak (penggantungan 3 perlawanan.)
 - 13.2.4 Seseorang pemain yang diperintah keluar (kad merah) kerana membantah keputusan pegawai pertandingan dengan kata-kata kesat / lucah, berkelakuan ganas dan biadap (penggantungan 3 perlawanan)
- 13.3 Mana-mana pemain yang menerima 2 amaran (kad kuning) dalam masa pertandingan hendaklah dengan sendirinya digantung bermain (1) satu perlawanan selepas perlawanan yang diterima amaran kedua. Apabila seseorang pemain menerima 1 lagi amaran (kad kuning) selepas pergantungan satu perlawanan akan sekali lagi digantung untuk satu perlawanan selepas perlawanan yang diterima amaran ketiga. Apabila seorang pemain menerima amaran (kad kuning) keempat maka digantung satu perlawanan. Apabila seorang menerima amaran (kad kuning) kelima beliau hendaklah tampil di hadapan Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakan yang sewajarnya.

14. BANTAHAN

- 14.1 Bantahan terhadap keputusan atau soal pemain yang tidak layak mestilah dihantar secara **bertulis** kepada Setiausaha Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan hendaklah diterima dalam tempoh **15 minit** selepas tamat -nya perlawanan berkenaan dan disertai dengan **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00)** yang akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya. (Resit akan dikeluarkan)
- 14.2 **Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan** mengenai perkara perkara fakta yang dibuat oleh **Pengadil** di padang permainan.

15. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

- 15.1 Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan ini atas soal perbezaan soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola dan keputusan itu adalah **muktamad**.

